

28 AUG 1997

MALAYSIA-BRUNEI BINA HOTEL LIMA BINTANG BERHAMPIRAN KLCC

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia dan Brunei bersetuju bekerjasama membina sebuah hotel bertaraf lima bintang berhampiran Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

Menurut Perdana Menteri, projek usahasama itu juga akan mempunyai sebuah pusat konvensyen yang terbesar di negara ini.

" Saya telah meluluskan untuk pembinaan sebuah hotel lima bintang dekat KLCC dan untuk bangunan ini, Sultan Brunei bersetuju diadakan pembangunan bersama supaya kita dapat mengadakan pusat konvensyen terbesar," katanya selepas menghantar Sultan Hassanal Bolkihah pulang selepas lawatan empat hari di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Dr Mahathir berkata, Sultan Brunei melahirkan rasa puas hati dan gembira baginda terhadap lawatan empat harinya ke negara ini yang dianggapnya paling berhasil.

Katanya, lawatan ini dianggap baginda sebagai amat berjaya dan Sultan menyatakan supaya dieratkan lagi hubungan antara kedua-dua negara dengan mengadakan pertukaran lawatan dengan lebih kerap.

" Kita bersetuju untuk bertemu saling bergilir setiap tahun," kata beliau.

-- BERNAMA

MHI MT AHH